

# Hafizan tekad berubah

## Ambil keputusan sambung belajar sehingga Ph.D

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

“KAU tu badan dahlah kurus, kalau kau tak belajar rajin-rajin apa kau nak jadi, nak menoreh getah macam aku? Angkat tong getah pun kau tak larat.” Kata-kata ini yang sentiasa terngiang-ngiang di benak fikirannya, akhirnya menjadi pencetus kejayaan buat Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Hafizan Juahir.

Cabaran demi cabaran yang dilalui terutama melihat ibu bapanya melakukan pelbagai pekerjaan lantaran kesukaran hidup, mem-

bentuk jiwa mudanya tegar dengan erti kejayaan.

“Untuk meneruskan kelangsungan hidup di Felda memerlukan keazaman yang kuat. Sewaktu kami baru berpindah, pokok getah masih belum mengeluarkan hasil, jadi kami hanya bergantung kepada wang sara hidup bulanan berjumlah RM200 yang diberikan Felda.

“Saya melihat ibu bapa saya bekerja dan berusaha dengan kebolehpayaan mereka sendiri di samping sokongan keluarga dan Felda. Bermula dari sinilah saya membina keazaman untuk berjaya ke peringkat tertinggi dalam pelajaran tidak kira apa pun kesusahan

dan kesukaran yang saya hadapi,” kata bekas pelajar Asrama Semai Bakti Felda ini.

### ● Rindu kehidupan desa

Membesar sebagai anak Felda, memberi ruang kepadanya untuk merasai kehidupan desa yang penuh warna-warni. Paling diingati, artis Felda yang cukup terkenal di kalangan masyarakat peneroka ketika itu, Allahyarham Mak Minah Ketot.

“Kalau bercakap soal hiburan boleh dikatakan tiada apa yang boleh kami nikmati. Yang ada hanya artis-artis kebudayaan Felda yang membuat persembahan secara

bergerak dari Felda ke Felda,” ujarnya mengimbau kenangan zaman kanak-kanak.

Menurut Hafizan, sekalipun kemeriahannya tidaklah setanding Karnival Jom Heboh, namun amat bermakna kerana suasana dan semangatnya dapat mengeratkan hubungan silaturahim.

Jauh dari bandar, bagaimanapun tidak menghalang warga peneroka ketika itu menikmati tayangan wayang gambar yang disediakan oleh Jabatan Penerangan.

“Kami membawa tikar atau apa saja yang boleh dijadikan sebagai alas tempat duduk dan bersamasama menonton wayang gambar di

tengah padang. Memang seronok!” cerita Hafizan.

Pada peringkat awal perpindahan, kemudahan prasarana amat terhad. Kemudahan bekalan air paip yang disediakan di hadapan rumah perlu dikongsi dengan jiran-jiran. Kebiasaannya, mereka mandi beramai-ramai manakala kaum ibu pula membasuh pakaian.

Terdorong dengan sifat kenakalan zaman kanak-kanak, Hafizan tidak melepaskan peluang merasai keseronokan mandi dan memancing ikan di sungai berhampiran bersama rakan-rakan sekampung.

Pada waktu itu, katanya, kebersihan sungai masih lagi terpelihara dan kaya dengan pelbagai jenis ikan air tawar yang menjadi sumber makanan dan pendapatan di kalangan penduduk Felda.

“Kenangan inilah yang amat saya rindui. Ia tidak mungkin dapat dirasai oleh generasi Felda sekarang. Kekurangan dan kesukaran yang kami lalui menjadikan kami bagi sebuah keluarga besar yang saling membantu dalam apa jua situasi dan keadaan,” katanya.

### ● Tiada istilah bulan madu

Jika dilihat kepada pencapaian yang diraihinya hari ini, tiada siapa mengetahui pelbagai onak dan duri terpaksa dilalui sebelum mendaki puncak kejayaan.

Hafizan mula berniaga kecil-kecilan bersama arwah bapa saudaranya dengan membuka gerai menjual kuih pada sebelah petang dan burger pada waktu malam di Taman Sri Andalas, Klang, Selangor.

Mengakui rutin hariannya padat seawal pukul lima pagi sehingga 12 tengah malam, beliau menetapkan sasaran bahawa tiada istilah bulan



Hafizan Juahir (tiga dari kiri) ketika menentuai kajian kualiti air di Sungai Kinta, Perak.



madu selepas keluar daripada universiti.

"Fokus saya hanya untuk meningkatkan kerjaya. Kemudiannya habis waktu kerja, saya mula ke gerai burger.

"Bagaimanapun, selepas empat tahun berniaga, saya membuat satu keputusan untuk melakukan perubahan. Saya ingin terlibat dalam bidang yang lebih teknikal dan mencabar," katanya yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan pembiayaan sendiri.

Setelah tamat ijazah peringkat sarjana, beliau terus menyambung pengajian ke peringkat kedoktoran (PhD). Beliau memperoleh biasiswa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar (sekarang dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) di bawah skim National Science Fellowship (NSF) di Universiti Malaya (UM) dalam bidang pengawalan pencemaran yang memfokuskan dalam pemodelan kualiti air di Sungai Langat.

Selepas setahun menyambung pengajian, Hafizan kemudiannya ditawarkan menyambung penyelidikan di University of Newcastle Upon Tyne, United Kingdom selama tiga tahun (2001-2003).

"Sebelum tamat pengajian lagi saya telah ditawarkan terlibat dalam banyak kerja perundingan berkaitan analisis data dan pemodelan alam sekitar untuk agensi kerajaan dan swasta menggunakan kaedah environmetrik atau kemo-metrik dan Artificial Neural Networks," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau menghadapi waktu yang sukar sepanjang pengajian apabila terpaksa menjalankan penyelidikan tanpa sumber kewangan (geran penyelidikan).

Dengan serba kekurangan, Hafizan dan penyelia berjaya menghasilkan lapan kertas penyelidikan (jurnal dan prosiding) pada tahun pertama penyelidikan dijalankan.

"Kami menggunakan data sekunder dengan bantuan rakan-rakan penyelidik daripada beberapa buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pemantauan dan kajian kualiti air sungai.

"Saya amat bersyukur kerana ditemukan dengan Profesor Dr. Sharifuddin M. Zain yang sangat bertanggungjawab dan mengambil berat akan pelajar di bawah seliaannya.

"Cabaran dan kekurangan yang dihadapi, menjadikan saya sangat bermotivasi," ujarnya optimis.

Malah, Hafizan menyifatkan setiap kesukaran yang dilalui bukan satu masalah sebaliknya menganggap ia sebagai cabaran yang perlu ditempuh dengan bijak.

Akhirnya setelah melalui proses semakan yang ketat oleh penyelia, beliau telah berjaya menghasilkan tesis yang sempurna. Selepas pembentangan akhir, Hafizan hanya mengambil masa kurang daripada sejam untuk memperbaiki tesis penyelidikannya.

"Secara peribadi juga inilah kejayaan cemerlang dan merupakan saat manis serta menggembirakan dalam hidup saya. Saya gembira bukan kerana sekeping kertas yang menyatakan kelulusan saya, tetapi yang lebih penting saya telah me-

ngutip banyak pengalaman sepanjang pengajian," ungkapnya jujur.

Hafizan menyifatkan, ilmu Allah itu amat luas dan sehingga sekarang beliau masih lagi belajar untuk memantapkan pengetahuan dan berkongsi pengalaman dengan para pelajarnya dalam seni menganalisis dan interpretasi data alam sekitar.

### ● Kelulusan akademik bukan penentu segala-galanya

Namun, jauh di sudut hati, beliau menyatakan bahawa kejayaan dalam pelajaran bukanlah satu-satunya tiket untuk berjaya dalam hidup. Ini kerana terdapat pelbagai bidang yang boleh diterokai kerana Allah s.w.t menjadikan manusia dengan kemampuan yang berbeza-beza.

"Yang penting ialah sikap kita. Kalau kita sentiasa ada sikap ingin memajukan diri dan berjaya, insya-Allah kita akan berjaya.

"Jangan takut untuk mencuba dan jangan takut untuk gagal. Kegagalan dalam hidup akan memantangkan kita dan menjadikan kita seorang yang lebih kreatif untuk mengatasi kegagalan pada masa hadapan dan seterusnya mencapai kejayaan yang diidamkan," tuturnya penuh makna.

### ● Transformasi sebagai tanda kejayaan

Hari ini, sesekali pulang ke kampung, Hafizan tidak melepaskan peluang meninjau keadaan kampungnya. Baginya, Felda Chemplak Barat sudah berubah wajah terutama keadaan rumah peneroka yang jauh lebih sempurna berbanding 20 tahun sebelumnya. Malah, ada yang sudah mencapai taraf rumah mewah!

"Kemudahan asas juga telah lengkap, boleh dikatakan tiada lagi rancangan tanah Felda yang boleh dikategorikan sebagai pedalaman.

Semua tanah rancangan Felda telah dihubungkan dengan jalan raya berturap.

"Setiap peneroka mampu memiliki kereta malah anak-anak peneroka juga ramai yang berjaya dan menjawat jawatan penting. Ini merupakan faktor kejayaan gandingan padu di antara pemimpin dan masyarakat Felda," katanya.

Beliau berpendapat, masyarakat Felda telah berjaya menterjemahkan idea dan perancangan oleh pemimpin-pemimpin negara dalam memajukan dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

"Untuk itu saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih saya sebagai anak Felda kepada Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang telah mencetuskan idea penubuhan Felda serta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah meneruskan legasi ayahanda beliau," ujar Hafizan.

Bagaimanapun di sebalik kejayaan yang dinikmati masyarakat Felda hari ini, beliau mahu tumpuan diberikan bagi menangani masalah sosial di kalangan generasi baru terutama isu penagihan dadah.

"Ramai rakan seangkatan saya meninggal dunia akibat dadah. Saya berasa cukup sedih dengan keadaan ini.

"Apakah kita generasi kedua telah lupa bahawa kejayaan yang kita perolehi ini hasil daripada keringat dan air mata ibu bapa kita.

"Sekiranya kita sebagai generasi kedua dan generasi seterusnya masih tidak sedar akhirnya apa yang selama ini kita miliki dan perjuangkan akan hilang dan tergedai," luah Hafizan menuntut semua generasi baru supaya menghayati roh perjuangan ibu bapa mereka sebagai peneroka Felda.



## Profil

**Nama:** Dr. Hafizan Juahir

**Tarikh lahir:** 29 Januari 1971

**Umur:** 40 tahun

**Asal:** Felda Chemplak Barat, Labis, Johor

**Pekerjaan:** Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, UPM

**Bidang kepakaran:** Environmetrik/Kimometrik, Rangkaian Neural Buatan dan Pemodelan Alam Sekitar.

### Kelayakan akademik:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Ijazah Sarjana Sains Peningkatan Kualiti dan Produktiviti, UKM
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Kawalan Pencemaran dan Pemodelan Kualiti Air, Universiti Malaya dan University of Newcastle Upon Tyne, United Kingdom

**Nama isteri:** Ir. Azimah Ismail

**Pekerjaan:** Jurutera Kanan

**Anak:** Najwa Hazwani Hafizan (11 tahun), Harraz Hilman Hafizan (9 tahun), Harraz Amsyar Hafizan (3 tahun) dan Damia Darwisyah Hafizan (1 tahun)